

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
UNIT PENDIDIKAN KHAS				
1	Bengkel Bocce bagi Guru-Guru yang terdiri daripada <i>Home Room</i> (HRT) / Guru <i>Special Education Needs Assistance</i> (SENA) dan Guru Pendidikan Jasmani	Pelakuan Organisasi	<p>Bengkel Sukan Bocce adalah bertujuan untuk memberikan guru-guru atau pegawai-pegawai yang terlibat pengetahuan asas kemahiran dan teknikal sukan Bocce bagi membolehkan mereka melatih pelajar-pelajar dan membuat apa jua persipan sebelum kejohanan.</p> <p>Bengkel ini telah dihadiri oleh guru-guru <i>Home Room</i> (HRT), SENAs, Pendidikan Jasmani dan pegawai-pegawai dari Unit Pendidikan Khas dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum di setiap daerah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami amalan pendidikan inklusif bukan saja dapat dicapai dalam kelas tetapi ia juga memberi peluang yang sama rata atau "<i>equal opportunities</i>" bagi semua pelajar termasuk pelajar berkeperluan khas semasa di luar suasana sekolah ● Meningkatkan kepercayaan diri dan keyakinan diri pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam mengikuti bocce ● Pelajar-pelajar mengenalpasti dan mengetahui permainan sukan bocce selain sukan yang ada di sekolah ● Pelajar diberikan peluang untuk bersosialisasi bersama rakan - rakan dari sekolah-sekolah lain.
2	Pertandingan Memasak bagi Pelajar-Pelajar Program Pra-Vokasional Senegara di Sekolah Kerajaan Menengah	Pelakuan Organisasi	<p>Memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas serta dapat membantu pelajar menguasai kemahiran memasak. Dalam kemahiran memasak, pelbagai disiplin perlu ada, contohnya penyediaan bahan-bahan mentah, cara menjaga kebersihan, kualiti masakan, ksedapan masakan dan kepuasan pelanggan.</p> <p>Disamping itu ianya dapat meningkatkan potensi diri serta tahap keyakinan diri secara tidak langsung melalui pertandingan memasak. Pertandingan ini juga mempertingkatkan hasil kerja tangan pelajar-pelajar yang mana kualiti masakan dan hiasan juga perlu diambil perhatian serta memberi pendedahan kepada pelajar untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang awam.</p>	<p>Pertandingan ini juga adalah salah satu platform bagi mewujudkan kolaborasi diantara sistem sokongan terhadap pelajar berkeperluan khas. Hakim pertandingan terdiri wakil daripada Royal Brunei Catering, Rizqun International Hotel, IBTE dan Jabatan Perkembangan Kurikulum.</p> <p>Pertandingan memasak terakhir bagi pelajar-pelajar program pra-vokasional telah diadakan di Institute of Brunei Technical Education's (IBTE) <i>School of Hospitality and Tourism</i>, Sultan Saiful Rijal Campus pada 7hb Julai 2018.</p>
3	Kejohanan Olahraga Sekolah-Sekolah Rendah & Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara 2018	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan kepercayaan diri dan keyakinan diri pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam mengikuti apa jua aktiviti termasuk aktiviti sukan dan fizikal ● Meningkatkan kesedaran semua peringkat masyarakat mengenai aktiviti dan kegiatan yang sedia ada dan boleh dilakukan oleh sesiapa saja ● Pelajar-pelajar berkeperluan khas diberikan peluang untuk bersosialisasikan bersama rakan-rakan dari sekolah-sekolah lain ● Meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK) dalam melibatkan pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam sukan di peringkat sekolah-sekolah rendah dan menengah senegara ● Sebagai <i>platform</i> bagi mencungkil bakat-bakat dalam bidang sukan pelajar-pelajar berkeperluan khas yang dapat diterapkan kepada sukan yang lebih berprestij tinggi seperti <i>olympics / paralympics</i> 	<p>Kejohanan Olahraga ini adalah salah satu aktiviti kokurikulum bagi semua pelajar disekolah-sekolah rendah dan menengah senegara. Pada tahun 2018, Unit Pendidikan Khas dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah bersepakat untuk memasukkan kategori bagi berkeperluan khas pada kejohanan tersebut, ini adalah bertujuan untuk:</p> <p>i) Memberikan pendedahan atau peluang yang maksima kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk menceburi bidang sukan, bersosialisasi dan gaya hidup sihat</p> <p>ii) Mencungkil bakat pelajar agar dapat menyertai dan mewakili Negara Brunei Darussalam dalam acara sukan kebangsaan mahupun serantau seperti Sukan <i>Special Olympics</i> dan Sukan <i>Paralympics</i>.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
4	Bengkel Program Kemahiran Keibubapaan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan penglibatan ibu-bapa / penjaga untuk sama-sama berusaha dalam mendidik anak berkeperluan khas, khususnya anak autisme ● Memastikan kemahiran yang diajar di rumah selaras dengan apa yang mereka pelajari di sekolah ● Meningkatkan kefahaman ibu-bapa / penjaga berkenaan isu / masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar berkeperluan khas dan cara mengatasinya ● Membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta bengkel melalui teori dan strategi secara langsung dalam memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas ● Memberi peluang kepada para peserta dan penyampai bengkel bertukar fikiran serta berbincang mengenai isu-isu dan masalah yang berkaitan dalam proses mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar berkeperluan khas di sekolah inklusif. 	Bengkel Program Kemahiran Keibubapaan bertujuan untuk memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran ibu-bapa / penjaga tentang pemedulian anak-anak berkeperluan khas, khususnya anak autisme, serta dalam menangani keperluan pembelajaran mereka di rumah mahupun di sekolah.
5	Open Day / Hari Terbuka bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas Yang Baru Menamatkan Persekolahan di Peringkat Menengah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Mendokong salah satu pelan strategik Kementerian Pendidikan iaitu melibatkan institusi / agensi berkenaan / <i>stakeholders</i> seterusnya berkolaborasi dan meningkatkan jarungan secara aktif demi meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar berkeperluan khas ● Meningkatkan kefahaman ibu-bapa / penjaga mengenai peluang meningkatkan kemahiran vokasional / teknikal kepada anak-anak mereka ● Sebagai landasan / platform kepada ibu-bapa / penjaga dalam mengetahui dan memahami peluang yang disediakan oleh pelbagai Institusi / agensi yang berkenaan ● Membina sistem sokongan yang baik bagi membantu keperluan pelajar berkeperluan khas. 	<p>Sebanyak 8 buah agensi (iaitu Institute of Brunei Technical Education (IBTE), Pusat Pembangunan Belia (PPB), Job Center, Pusat Bahagia, Brunei Darussalam National Association of the Blind (BDNAP), Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP), Persatuan Sindrom Down Brunei (ABLE) dan Brunei Darussalam Paralympics.</p> <p>Pelajar-pelajar dapat maklumat mengenai dengan pemuang pembelajaran samada dalam bidang pendidikan dan bidang kemahiran yang ditawarkan oleh institusi / agensi yang berkenaan. Selain itu, para pelajar memperolehi maklumat mengenai bidang kesukanan dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta.</p> <p>Ibu-bapa / penjaga pelajar berkeperluan khas tahap tinggi berpeluang bersemuka dengan Pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk bertanya lebih lanjut mengenai dengan kebajikan anak mereka.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
URUS SETIA MAJLIS PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL BRUNEI DARUSSALAM				
6	Mengemaskini kesemua sijil-sijil, keputusan penilaian pelajar (<i>assessment results</i>), rekod-rekod mesyuarat majlis (<i>council meetings records</i>) dan rekod-rekod kewangan bagi Pemeriksa Luar secara Bersistematik	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan setiap dokumen dan rekod penting Urus Setia MPTVBD disimpan dengan kemas dan teratur; dan • Memudahkan pihak yang berkenaan untuk membuat rujukan 	<p>Pengemaskinian kesemua dokumen dan rekod berkenaan adalah merupakan inisiatif Urus Setia MPTVBD dalam usaha untuk memastikan setiap dokumen-dokumen dan rekod-rekod tersebut disimpan dengan rapi dan tersusun di bilik-bilik yang telah disediakan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.</p> <p>Dokumen-dokumen dan rekod-rekod berkenaan diperlukan untuk rujukan bagi perkara-perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengauditan; • Pengesahan sijil dan CGPA (bagi pelajar-pelajar BDTVEC yang memohon untuk meneruskan pengajian lebih tinggi samada di dalam atau di luar negeri); dan • Pencetakan semula sijil / <i>achievement transcripts</i> (bagi pelajar-pelajar BDTVEC yang memohon untuk mencetak semula sijil / <i>achievement transcripts</i> disebabkan rosak / hilang).
7	Mengukuhkan <i>Tracking System</i> Kutipan Hasil daripada <i>Registered Training Organizations</i> (RTOs)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan kesemua tuntutan kutipan hasil selesai dikeluarkan dengan betul dan teratur (tidak ada tuntutan yang tertinggal / terlepas pandang / terlebih bayar); dan • Memastikan kesemua tuntutan kutipan hasil yang dituntut dibuat pembayarannya oleh pihak RTO 	<p>Pengumpulan, penyemakan dan penyusunan maklumat dan data-data yang berkaitan dengan kutipan hasil secara betul dan bersistematik bagi:</p> <ol style="list-style-type: none"> BDTVEC RTO <i>Centre Registration</i> <i>Programme Approval</i> <i>External Moderation</i> <i>Student Registration Fees</i> <i>Student Examination Fees</i>
PUSAT KERJASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR (STEP)				
8	Penstrukturan Semula dan Penyediaan Program-Program STEAM dan Bumi Hijau untuk Memupuk Kemahiran Abad Ke-21	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pemahaman pelajar dan minat dalam pendidikan STEAM • Penglibatan pelajar dalam pendidikan STEAM • Peningkatan kualiti inovasi melalui rangkaian yang kuat bersama-sama pihak yang berkepentingan dan perkongsian yang berkesan • Pembangunan yang membolehkan pendidikan STEAM dilibatkan di mana-mana program dan sumber-sumber peluang yang berkenaan. 	<p>Pada tahun 2019, Visi Pusat STEP iaitu Pendidikan yang Berkualiti, Bangsa yang Dinamik yang mana kenyataan tujuan tersebut adalah serupa dengan Visi Kementerian Pendidikan. Dalam usaha untuk mewujudkan Visi tersebut, misi pusat STEP yang diterapkan adalah untuk mempromosikan Pendidikan STEAM ke arah inovasi pelaksanaan program STEAM yang bermutu tinggi.</p> <p>Selain membaharui visi dan misi, Pusat STEP juga telah pun melaksana penstrukturan semula organisasi yang memfokuskan untuk perancangan dan pengendalian inisiatif-inisiatif bagi mengembangkan program-program STEAM selaras dengan visi dan misi pusat.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>Perlaksanaan program ini adalah lebih memfokuskan untuk meningkatkan dan memupuk minat pelajar kepada STEAM Education melalui pelbagai program ICT dan inovasi dalam persediaan kearah kemahiran Industrial Revolution 4.0. Struktur organisasi yang ada pada masa ini idibahagikan kepada dua fokus utama iaitu Unit STEAM Enhancement dan Unit Innovation, di mana kedua unit tersebut saling didokong oleh Unit Administration & Finance</p> <p>Peranan baru Pusat STEP adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Menyediakan platform untuk sekolah dan membantu guru-guru dalam menggalakan dan meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti dan program STEAM ● Meningkatkan bilangan pendaftaran pelajar dalam program STEAM dan aliran sains ● Memupuk minat pelajar dan memberi kefahaman mengenai kepentingan mata pelajaran dan program-program STEAM ● Memberi peluang yang sama kepada semua pelajar dan bukan hanya pelajar dari aliran sains untuk mendaftar dalam program STEAM ● Memastikan kualiti dan perkaitan program STEAM ● Menyokong usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dari segi inovasi dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah ● Memupuk minda dan budaya inovatif di kalangan pelajar
BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA				
9	<p><i>Review dan Socialise</i> terhadap Akta dan Peraturan Pendidikan Penggal 210 (Risalah)</p>	<p>Pelakuan Organisasi</p>	<p>Risalah ini bertujuan untuk memberikan maklumat dan seterusnya kefahaman kepada pemilik, pengelola, pengurus IPS dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya terhadap akta pendidikan penggal 210 dan peraturan-peraturan dalamnya yang dikuatkuasakan. Risalah ini juga adalah untuk membantu meningkatkan jumlah IPS yang patuh kepada akta dan peraturan yang dimaksudkan. Memastikan kolaborasi yang mampan antara BPS dan pihak berkepentingan (terutama AGC) bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan akta pendidikan penggal 210. Mengukuhkan kolaborasi antara BPS, IPS dan pihak berkepentingan kearah menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.</p>	<p>Satu buku risalah yang mengandungi maklumat mengenai akta pendidikan dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dan berkaitan dengan IPS telah dihasilkan. Kandungan risalah tersebut telahpun disediakan dan sedang dalam usaha memantapkan lagi isi risalah berkenaan. Perbincangan mengenai kandungan yang dihasilkan telah diadakan dalam peringkat BPS pada awal tahun 2018 dengan beberapa pembaikan telah dibuat. Maklumat dalam akta dan peraturan-peraturan pendidikan penggal 210 telah di <i>review</i> semula untuk diselaraskan dengan pelaksanaan yang berjalan pada masa ini.</p> <p>Pemberigaan akta dan peraturan pendidikan ini telah dilaksanakan pada awal bulan Januari 2019. Fasa pertama pemberigaan akta dan peraturan pendidikan serta garispanduan-garispanduan diberikan kepada pegawai-pegawai Bahagian Pendidikan Swasta (BPS) Kementerian Pendidikan dan kemudian Fasa Kedua, Pemberigaan ini disampaikan kepada semua pemilik dan pengetua Institusi Pendidikan Swasta (IPS).</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
10	Projek C.A.R (<i>Correction Action Request</i>)	Struktur Organisasi	Meningkatkan kepatuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) terhadap akta dan peraturan pendidikan penggal 210 dan akta dan peraturan-peraturan daripada lain-lain kementerian yang berjalan dan berkuatkuasa pada masa ini.	<p>Projek ini bertujuan untuk membuat pengawalseliaan dan pemantauan bagi setiap Institusi Pendidikan Swasta (IPS) formal dan bukan formal termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mematuhi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Akta Pendidikan Penggal 210, Akta Pendidikan Wajib 2007 dan Dasar Pendidikan 2004 dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada para pelajar di negara ini ii) Aspek 5K (Keselamatan, Kesejahteraan, Kebersihan, Kesihatan dan Keselesaan) bagi memastikan suasana pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berkualiti iii) Pelaksanaan kurikulum SPN21 dijalankan dengan baik dan lancar mengikut silabus dan sumber pembelajaran yang dikhususkan (kecuali sekolah bertaraf antarabangsa) <p>Jika IPS yang dipantau didapati tidak mematuhi salah satu perkara daripada perkara (i) hingga (iii), maka borang C.A.R akan dikeluarkan sebagai notis kepada pihak IPS untuk melaksanakan teguran yang melanggar salah satu daripada perkara (i) hingga (iii) diatas kearah kepatuhan IPS mengenainya.</p>
11	BPS - <i>School Profiling Checklist</i> (SPC)	Struktur Organisasi	Meningkatkan efisiensi (kecekapan / kelancaran) sistem pengumpulan dan memproses (pengolahan) data sekolah, guru, pelajar dan kakitangan di sekolah-sekolah farmasi swasta. Pada akhir bulan ogos 2019, 100% data dan maklumat semua sekolah, guru, pelajar dan kakitangan IPS formal adalah terkini dan boleh didapati dengan serta merta dapat dikongsi sama dengan semua pegawai dan kakitangan dalaman BPS	<p>Data-data terkini yang pernah dikumpulkan sebelum ini dimuatkan sama ada dalam bentuk words / excel dan ada yang masih dalam bentuk <i>hard copy</i>. Beberapa isu telah timbul dalam mendapatkan data-data yang telah dikumpulkan yang mana antaranya ialah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kebanyakan data sekolah susah untuk didapati dari fail-fail sekolah yang sedia ada di BPS. Maklumat dan data yang sedia ada kebanyakannya adalah dalam bentuk <i>raw</i> dan belum dianalisa, dimanipulasi dan ditambah nilai. ii) Pencarian data perlu dibuat secara berulang dan mengambil masa yang lama, dimana pencarian perlu dibuat dengan membuka lebih dari satu fail. iii) Penganalisaan, pengolahan data maklumat sukar untuk dibuat dan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan sepenuhnya. Ini adalah disebabkan program yang digunakan tidak sama maka data-data tersebut perlu diubah dan dipindah ke satu program yang sama terlebih dahulu sebelum diolah dan dimanipulasi; Data maklumat belum di <i>centralized</i> masih tersimpan di unit masing-

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>masing; Ada diantara maklumat tersebut, tidak lengkap, outdated ditulis tangan dan tidak dimasukkan dalam sistem computer, duplikasi, tidak diisi dengan betul, dan tidak konsisten pada ejaan. Meningkatkan kualiti data-data yang dimasukkan dalam sistem yang sedia ada agar ianya selaras dan valid digunakan.</p> <p>Dalam usaha penambahbaikan, borang BPS - SPC1 telah mula digunakan. Data yang tercatat diubah-alih ke Sistem Excel atau Excess dengan harapan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kualiti data yang dimasukkan adalah selaras dan dapat digunakan 2. Di penghujung bulan Mac 019, 100% SPC1 telah dapat digunakan sepenuhnya dan seterusnya: <ul style="list-style-type: none"> • telah dikemaskini dengan memastikan kesemua maklumat adalah konsisten • lengkap diisi, maklumat yang tepat • mudah dianalisa, diolah dan dimanupulasi <p>Mengongsisama maklumat dengan semua pegawai dan kakitangan dalam BPS dengan tiga kaedah iaitu Maya (Sharing Folder), Hardcopy dan <i>sharing session</i> .</p>
12	Perancangan dan Penggunaan Peruntukan Kewangan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti Secara Efektif	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Memfokuskan perkembangan profesional kepada pengajaran dan pembelajaran • Memprioritikan penggunaan peruntukan kepada sepuluh pecahan program:- <ol style="list-style-type: none"> 1) Brunei Darussalam <i>Teacher Academy</i> (BDTA); 2) SEAMEO <i>Regional Centres</i> ; 3) MOE <i>Initiatives</i> (PISA+UNESCO+ISESCO); 4) <i>Conference</i> (BELTA / ICE / TFS); 5) <i>Regional Collaboration / JWG / Working Visit</i>; 6) <i>Cooperation Programmes</i> (SCP / MTCP / MOFAT); 7) <i>Certification</i>; 8) <i>Management Development</i> ; 9) <i>By Invitation</i> ; dan 10) <i>Contingency</i> . 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua-ketua jabatan merancang perkembangan profesional yang strategik mengikut keperluan dan keutamaan jabatan menjurus kepada apelan strategik jabatan khususnya dan kementerian amnya bagi mencapai <i>national KPI</i> • BPSTM meneliti perancangan berdasarkan keperluan dan keutamaan secara keseluruhan • Ahli Jawatankuasa Mempertimbangkan Perancangan Perkembangan Profesional Jabatan dan Ketua-Ketua Jabatan meneliti dan mempertimbangkan perancangan perkembangan profesional mengikut keperluan dan keutamaan Kementerian Kesihatan
13	Sijil Perguruan (<i>Workbased</i>)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai satu program alternatif dan memberi peluang bagi guru-guru dan pegawai yang tidak memenuhi syarat SLDP untuk mendapatkan sekurang-kurangnya sijil perguruan seperti yang dipersyaratkan di dalam surat lantikan mereka • Program ini kurang menjejaskan tugas guru-guru berkenaan di sekolah memandangkan ianya merupakan <i>on the job training</i> yang hanya akan memerlukan mereka berada di Universiti secara berkala mengikut jadual • Mempercepatkan penetapan jawatan • Meningkatkan kemahiran dan mutu pengajaran dan pembelajaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (BPSTM) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk bekerjasama dalam mencadangkan kursus sijil perguruan bagi penetapan jawatan pegawai / guru tanpa perlu memohon Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (SLDP) melalui Jabatan Perkhidmatan Awam • Mengadakan jerayawara khas untuk pegawai / guru berkenaan bagi menjelaskan objektif dan struktur program tersebut (yuran, jadual kuliah dan lain-lain)

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
14	<i>Finance Tracking</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan semua warga BPSTM untuk mengawal dan memantau penggunaan peruntukan yang telah diberi kebenaran agar proses pembayaran berjalan dengan lancar dan teratur • Menjimatkan masa bagi penelitian dan pemantauan proses pembayaran sebaik sahaja menerima <i>Invoice</i> dan <i>Purchase Order</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pemantauan proses peruntukan kewangan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti agar ianya sentiasa dikemaskini mengikut prosedur pihak kewangan • Berperanan sebagai Sistem Pemantauan Peruntukan
BRUNEI DARUSSALAM TEACHER ACADEMY (BDTA)				
15	Penambahbaikan dan Rebiu Komprehensif Program-Program Latihan Perkembangan Profesional bagi Mata Pelajaran Teras	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti keberkesanan dan faedah program-program latihan yang ditawarkan melalui penilaian dan penganalisaan • Intpu mengenai keperluan jenis-jenis program latihan yang relevan untuk guru-guru dalam mengenalpasti jurang kompetensi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Merebie program-program latihan perkembangan profesional bagi mata pelajaran teras yang ditawarkan di Akademi berkenaan mengikut keprluan guru-guru yang berkaitan • Penambahbaikan program-program latihan perkembangan profesional bagi meninggi tahap pengetahuan dan kemahiran berunsurkan kepada mengenalpasti jurang kompetensi di kalangan guru-guru.
JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM				
16	Pemantauan Penggunaan Sistem Pengurusan <i>Curriculum Materials</i> Di Dalam <i>Intergrated National Education Information System (iNEIS™)</i>	Struktur Organisasi	<p>Memantau dan mengemaskini beberapa perkara berkaitan dengan penggunaan Sistem Pengurusan <i>Curriculum Materials</i> di dalam <i>Intergrated National Education Information System (iNEIS™)</i> seperti yang diperincikan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Proses pengendalian data <i>stock book</i> dalam iNEIS™ • Pengurusan permohonan buku-buku melalui iNEIS™ • Pengurusan data peminjaman buku-buku oleh pelajar 	Program / projek ini adalah berfungsi sebagai mekanisma bagi menyalurkan beberapa program dan inisiatif Kementerian Pendidikan telah direalisasikan di semua peringkat persekolah kerajaan dengan baik dan berkesan seperti penendalian pendaftaran masuk pelajar ke sekolah-sekolah, kedatangan pelajar, peperiksaan dan sebagainya. Kesenambungan dari itu, pihak Jabatan Perkembangan Kurikulum dengan Jabatan Sekolah-Sekolah dan Syarikat Sprintville Technologies Sdn Bhd, telah bekerjasama untuk mengunggayahkan Penggunaan Sistem Pengurusan Curriculum Materials Di Dalam <i>Intergrated National Education Information System (iNEIS™)</i> untuk sekolah-sekolah kerajaan di semua peringkat.
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM				
17	Pertandingan Drama Keagamaan Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan drama sebagai satu budaya warisan berunsurkan keagamaan yang berlandaskan Konsep Melayu Islam Beraja untuk meningkatkan pembangunan insan serta pembangunan Negara • Menarik minat dan memberikan peluang serta mencetuskan kesedaran di kalangan pelajar supaya melibatkan diri secara aktif dalam bidang dakwah melalui drama keagamaan berunsurkan nilai-nilai murni Islam dan kemanusiaan sejagat • Pertandingan ini adalah sebagai wadah ilmu demi untuk mengeratkan interaksi dan silaturahim di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru sekaligus untuk meningkatkan syiar dan dakwah Islamiah • Mengetangahkan dan mengasuh bakat serta minat pelajar - pelajar dalam persembahan drama keagamaan demi untuk mendokong konsep Melayu Islam Beraja dan dapat melihat sejauh mana pelajar dapat bersaing di 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan Drama Keagamaan adalah sebahagian daripada kegiatan tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan yang diperkenalkan pada tahun 2018 • Pertandingan drama adalah bertujuan untuk memberikan penghayatan serta kefahaman melalui sejarah Islam yang menitikberatkan soal pembinaan sahsiah pelajar-pelajar.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			peringkat Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam <ul style="list-style-type: none"> • Memupuk dan mengembangkan muhibbah yang tinggi kepada pelajar-pelajar dalam menghayati dan mengamalkan seruan Islam dalam kehidupan seharian melalui lakonan yang dipersembahkan 	
18	Pertandingan Sahibba Sekolah-Sekolah Rendah Tahun 2018	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan bilangan dan penggunaan kosa kata dalam Bahasa Melayu di kalangan para pelajar sekolah rendah • Menggalakkan dan memupuk kreativiti pelajar peringkat sekolah rendah dalam membina kosa kata dalam Bahasa Melayu • Melahirkan pelajar-pelajar yang cerdas metal dan berupaya untuk berfikir secara aktif dan kreatif • Menjana sikap daya saing yang positif di kalangan pelajar 	Sahibba ialah permainan jalin kata untuk dua hingga empat orang. Setiap pemain akan berlawan untuk membentuk perkataan secara bersilang kata dengan menggunakan jubin berhuruf dan mengaturnya di atas papan permainan dalam kedudukan yang menguntungkan. Secara dasarnya, objektif permainan ini adalah untuk menguji kecerdasan para pelajar berfikir dalam membina perkataan. Selain itu adalah juga untuk mendapat markat tinggi hasil binaan perkataan tersebut.
19	Pertandingan <i>Scrabble</i> bagi Sekolah-Sekolah Menengah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memperluaskan perbendaharaan kata dan mengembangkan kemahiran ejaan dalam bahasa english • Menyediakan platform pembelajaran dengan cara yang menyeronokkan • Menjana daya saing pelajar secara positif 	Pertandingan <i>scrabble</i> merupakan satu pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli. Pertandingan ini adalah salah satu usaha jabatan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan Bahasa English di kalangan pelajar.
20	Pertandingan Celik Biz bagi Sekolah-Sekolah Rendah Senegara	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mengembangkan kreativiti pelajar dalam bidang merancang asas projek perniagaan dan menjalankan perniagaan • Sebagai landasan memulakan perniagaan demi meningkatkan ekonomi negara • Mencetuskan minat dalam bidang perniagaan seawal sekolah rendah 	Pertandingan Celik-Biz adalah pertandingan keusahawanan untuk menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan penglibatan individu dalam bidang keusahawanan. Pertandingan ini diadakan bagi pelajar peringkat sekolah rendah bagi mengenalkan asas keusahawanan melalui aktiviti praktikal.
21	Pertandingan Tausyeh Pra U Senegara Kali Pertama	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan pelajar untuk terus meminati dan menceburkan diri dalam pelbagai kesenian agama • Mencungkil dan mengetengahkan bakat yang sedia ada • Meningkatkan rasa kecintaan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam melalui kesenian ugama yang dipersembahkan • Mendukung konsep keislaman dalam Melayu Islam Beraja 	Pertandingan Tausyeh ini julung-julung kalinya dipertandingkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan bersempena dengan Hari Keputeraan yang ke 71 Tahun pada tahun 2017 dan dibukakan hanya kepada Pusat-Pusat Tingkatan Enam Daerah Brunei Muara. Kini pertandingan Tausyeh ini dilaksanakan lagi dan dukakan kepada pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam, Maktab-Maktab dan IBTE.
JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH - SEKOLAH				
22	Penilaian Keseluruhan Sekolah & Penambahbaikan Sekolah / <i>Whole School Evaluation (WSE) & School Improvement</i> Penilaian Dalaman Sekolah dan Penilaian Luaran Sekolah / <i>School Self Evaluation (SSE) and School External Evaluation</i>	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai prestasi sekolah dari segi kualiti penyediaan pendidikan, menghasilkan laporan, dan menghadapi hasil penilaian mengenai <i>standard</i> pendidikan yang ada di negara ini kepada pihak berkepentingan • Memberikan khidmat sokongan dan nashat kepada pengetua-pengetua guru-guru besar atau guru-guru mengenai perkara yang berkaitan dengan empat bidang utama dalam sistem sekolah, iaitu:- 	JKSS menjalankan program ini untuk memastikan pendidikan berkualiti tinggi melalui penilaian, pemantauan dan khidmat sokongan serta berperanan sebagai rakan strategik Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk budaya akauntabiliti, sokongan dan penglibatan pihak kepimpinan sekolah dan semua warga sekolah yang meluas dalam menilai prestasi sekolah mereka sendiri,

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			(i) Kepimpinan dan Pengurusan (ii) Pengajaran dan Pembelajaran (iii) Etos dan Persekitaran (iv) Hasil Pembelajaran <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan dan mengekalkan pendidikan berkualiti tinggi seluruh negara • Membentuk bank data profil prestasi sekolah bagi tujuan mengesan / menjejaki kemajuan dan perkembangan sekolah 	khususnya mengenai kualiti pembelajaran, suasana pembelajaran dan perkembangan profesional guru, hasil pembelajaran dan penapaian pelajar yang menyumbang kepada kualiti penambahbaikan sekolah. Sasaran program ini adalah untuk sekolah-sekolah mencapai 100% Performance Band 4 berpandukan Instrumen Penilaian WSE framework menjelang 2035 Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah mengadakan resosialisasi pelaksanaan SSE ke semua sekolah rendah dan menengah kerajaan serta memilih beberapa buah sekolah sebagai interim sebelum pelaksanaan SSE senegara pada Jun 2018 Program ini memperincikan Sistem dan Proses Penilaian sendiri sekolah (SSE) dalam dokumen untuk diagihkan ke sekolah-sekolah. Sistem scoring yang sedia ada telah dikemaskini untuk mesra pengguna bagi memudahkan pihak sekolah menganalisis data rumusan penilaian sendiri sekolah sebelum sekolah membuat laporan
POLITEKNIK BRUNEI				
23	Proses Perkembangan Kurikulum bagi 22 Diploma Program Politeknik Brunei	Struktur Organisasi		Proses Perkembangan Kurikulum bagi 22 Diploma Program di Politeknik Brunei telah melalui Engagement Meeting di antara warga akademik Politeknik Brunei dan wakil-wakil dari industri bagi pembangunan program-program baru dan penyemakan semula dengan kehendak industri.
24	Penubuhan Ahli Jawatankuasa Eksekutif <i>Academic Advisory Committee</i>	Struktur Organisasi		Penubuhan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan Yang ulia Pengerusi <i>The Institution of Engineering and Technology (IET)</i> Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli Jawatankuasa yang akan dilantik secara ad hoc dikalangan pihak perkhidmatan awam dan pihak swasta. Ianya berperanan untuk memberikan panduan dan hala tuju bagi perkembangan program akademik di Politeknik Brunei sesuai dengan keperluan industri 4.0 .